



Oleh Adnan Yahya

PAK KU SHADAT

Penglipurlara Moden Yang Ceria Dalam Duka

Pak Ku Shadat yang berkebolehan bertutur dalam beberapa bahasa termasuk bahasa Inggeris, Siam, Jepun, Tamil, Cina dan Arab pernah membawa mesej negara dalam selokanya ketika mengadakan persembahan di beberapa negara.

Beliau pernah membuat persembahan di Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Indonesia, Thailand dan Singapura semasa masih sihat selain undangan yang tidak pernah putus dari dalam negara.

Kehebatannya dalam bidang seloka telah menarik minat sebuah syarikat rakaman iaitu Mutiara Records untuk merakamkan selokanya dalam album "Seloka Rakyat" dan suaranya daripada album itu sesekali masih lagi kedengaran di kedai muzik dan majlis-majlis tertentu.

Bagaimanapun sejak kebelakangan ini, hanya suara Pak Ku Shadat dari albumnya yang kedengaran menceritakan suasana majlis tertentu sedangkan beliau terlantar sepi di rumah tanpa perabot itu.

Beliau mengakui kehidupannya agak tenat kerana tidak lagi diundang mengadakan persembahan dan sesekali ada jiran-jiran yang bersimpati menghantar makanan untuknya.

Pak Ku Shadat akur dengan hari-hari terakhir yang dilaluinya dan menerima hakikat bahawa insan seni sepertinya tidak berupaya untuk hidup mewah di penghujung usia yang kian mendekat.

Semasa masih aktif dalam bidangnya, Pak Ku Shadat pernah menerima upah antara RM 50 dan RM 100 untuk setiap kali persembahan di majlis kenduri dan acara rasmi tertentu tetapi kini beliau tidak lagi menerima undangan seumpama itu.

Antara lagu-lagu seloka yang popular dinyanyikan oleh Pak Ku Shadat ialah Vespa Haji Samad, Proton Saga, Petani Moden dan Subsidi Baja.

Selain hanya hiburan, lirik lagu-lagunya turut mengandungi kritikan sosial serta nasihat orang ramai.

Sesungguhnya, penglipurlara moden ini yang merupakan bekas seorang anggota pasukan keselamatan perlu dihargai dan tidak dibiarkan sengsara dan jika ada peluang, beliau tetap berharap untuk berseloka hingga ke penghujung usia.

Itulah secebis kisah kehidupan insan seni yang masih mendambakan kasih masyarakat yang prihatin. Penglipurlara itu sebenarnya adalah insan yang lara dan sentiasa ketawa dalam tangisannya.

Sejak dua dekad lalu, Ku Nafiah Ku Aman yang lebih dikenali sebagai Pak Ku Shadat mengabdikan diri kepada bidang seni sebagai seorang penglipurlara moden. Selokanya bukan sahaja berkumandang di negara ini malah turut didengari oleh rakyat beberapa negara.

Wajah tuanya sentiasa ceria dan dukanya yang terhimpun sekian lama tersembunyi dalam selokanya. Pak Ku Shadat adalah satu-satunya insan seni yang masih berjuang dalam bidang penglipurlara.

...Beliau berkebolehan bertutur dalam beberapa bahasa termasuk bahasa Inggeris, Siam, Jepun, Tamil, Cina dan Arab...

Dalam usia yang menjangkau 88 tahun, Pak Ku Shadat masih menaruh harapan menggunung untuk keluar mencari rezeki dengan menjaja kebolehannya sebagai penglipurlara namun beliau kini tidak lagi berupaya untuk bergerak sendiri.

Di sebuah rumah usang yang disewakan di Kampung Kebun, Arau, penglipurlara itu yang ditemani isterinya, Mek Ahmad sentiasa mengenang masa depannya yang belum pasti.

Sesekali air mata lelaki berasal dari Pering, Kedah itu mengalir membasahi pipi namun segera disapunya sambil mulutnya berseloka bagi menghiburkan tetamunya yang tidak dapat dilihat dengan sempurna.